



NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Perak transformasi bazar dalam talian bantu lonjak PKS

Oleh [Muhammad Zulsyamini Sufian Suri](#) - November 17, 2023 @ 10:50pm

bhnews@bh.com.my



Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad (tiga kanan) menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak Corporation Holdings, Mohamad Suhaimi Mohamad Tahir (dua kiri) dengan Country Head Nityo Infotech Services Sdn. Bhd, Rajasekhar Gummedi (dua kanan) di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, hari ini.- Foto NSTP/L Manimaran

IPOH: Perak mentransformasi bazar dalam talian menerusi aplikasi S.M.A.R.T. Niaga@Perak kepada platform e-dagang Shopmatic yang lengkap untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Inisiatif ini dicapai menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) dan Nityo Infotech Services Sdn Bhd (Nityo).

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata transformasi itu bertujuan melonjakkan usahawan ke tahap lebih tinggi dan berpotensi menembusi pasaran antarabangsa.

Katanya, ia juga sebagai inisiatif bagi mempercepatkan ketersediaan Perak mengadaptasi teknologi yang mendorong pertumbuhan inovasi baharu.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **MEASAT Global perkukuh ekonomi digital kumpulan B40**
- **Larang kedai online di FB, IG: Keputusan Meta beri kesan minimum kepada usahawan Malaysia**
- **Kerangka digitalisasi Ekonomi MADANI sedia banyak peluang kerja**
- **RM163 juta kerugian akibat penipuan e-dagang**
- **Ekonomi digital, hijau dan e-dagang prospek kerjasama Malaysia-Singapura**

- **UOB, Lazada jalin kerjasama strategik lima negara**
- **Pendapatan e-dagang naik 10.4 peratus pada suku pertama - DOSM**
- **Pendigitalan: Pendapatan usahawan desa boleh meningkat hingga 30 peratus**

"Ia juga bagi membuka ruang untuk agensi kerajaan, pihak swasta, dan usahawan mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan pengguna.

"Nityo akan membimbing dan melaksanakan 'onboarding' (integrasi) untuk 200 PKS teratas atau 'Top 200' dari kalangan PKS di dalam S.M.A.R.T Niaga@Perak tanpa kos kepada kerajaan negeri serta PKS itu sendiri.

"Penggunaan platform e-dagang Shopmatic yang disediakan oleh Nityo bakal melonjakkan usahawan ke tahap yang lebih tinggi dan berpotensi menembusi pasaran antarabangsa sejajar dengan agenda Perak Sejahtera 2030 di bawah program Flagship Ekonomi Digital," katanya selepas menyaksikan pemeteraian MoU itu di Hotel Casuarina @Meru, di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Digital Perak yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohamad Suhaimi Mohamad Tahir manakala Nityo diwakili Country Head, Rajasekhar Gummedi.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia, dan NGO negeri, Mohd Azlan Helmi Helmi dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim.

Saarani berkata pemilihan awal 200 usahawan PKS berdasarkan kepada produk mereka yang sudah sedia dikenali di peringkat domestik dan antarabangsa termasuk pernah dipasarkan di Singapura.

Digital Perak dalam kenyataannya berkata nilai tambah daripada Nityo menerusi pemeteraian MoU itu adalah dengan mengintegrasikan S.M.A.R.T. Niaga@Perak dengan platform e-dagang Shopmatic yang dilengkapi kemudahan pembayaran dalam talian dengan pilihan logistik yang lebih banyak.


"Bermula dengan 200 PKS, kerjasama strategik itu akan kelak diperluaskan bagi membantu ribuan PKS melaksanakan transformasi pendigitalan perniagaan mereka dalam agenda ekonomi digital Perak Sejahtera 2030," katanya kenyataan itu.

BERITA BERKAITAN



TEKNOLOGI Jan 27, 2023 @ 6:21pm

MEASAT Global perkukuh ekonomi digital kumpulan B40



NASIONAL Mei 1, 2023 @ 11:18am

Larang kedai online di FB, IG: Keputusan Meta beri kesan minimum kepada usahawan Malaysia



LAIN-LAIN (BISNES) Ogs 4, 2023 @ 12:24pm



KES Okt 20, 2023 @ 7:39pm